

## Kod Etika Pemakaian Islam di Kelantan: Persepsi Berdasarkan Impak Teknologi Siber

Masroha Binti Sepian  
[masrohasepian@yahoo.com.my](mailto:masrohasepian@yahoo.com.my)  
 Universiti Malaysia Kelantan

Nur Azuki Yusuff  
[nurazuki@umk.edu.my](mailto:nurazuki@umk.edu.my)  
 Universiti Malaysia Kelantan

Salini Aina Binti Mamat  
[aina800719@gmail.com](mailto:aina800719@gmail.com)  
 Universiti Malaysia Kelantan

### ABSTRACT

Local authorities in Kelantan have implemented the Islamic dress code in stages to safeguard/take care of the general welfare of Muslim women in Kelantan. In this study, what is emphasized is the perception of Muslim women in regards to the *aurah* covering and to measure the extent of their awareness in receiving the campaign to cover their *aurah* in accordance with Islamic syariah and rules of the Kelantan state government. This study is a quantitative study involving 220 Muslim female respondents aged 18 to 20 years. The findings of the study showed that the majority of respondents agreed with the campaign implemented by the state government in accordance with their understanding. However, in terms of the levels of shariah-compliant practices are still low. The majority of respondents stated that they always observe Muslim women not wearing shariah compliant clothing. This shows that the acceptance of the aurat covering campaign carried out by the Kelantan state government is still not supported with the practice of wearing Muslim women in their daily lives. The findings of this study are expected to provide clear information to certain parties in order to strengthen their efforts to reinforce the implementation of the shariah-compliant application campaign in Kelantan.

**Keywords:** Islamic dress code, Kelantan state government, aurat, shariah compliant, cyber technology.

### ABSTRAK

Pihak berkuasa tempatan di Kelantan telah menguatkuaskan kod pakaian Islam secara berperingkat-peringkat untuk menjaga kemaslahatan umum wanita Islam di Kelantan. Dalam kajian ini, perkara yang ingin ditekankan ialah persepsi wanita Islam tentang aurat untuk mengukur sejauh manakah persepsi mereka dalam menerima kempen menutup aurat sesuai dengan tuntutan Islam dan juga peraturan kerajaan negeri Kelantan.

Kajian ini berbentuk kuantitatif yang melibatkan 220 orang responden wanita beragama Islam berumur 18 hingga 20 tahun. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden bersetuju dengan kempen yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri sesuai dengan pemahaman mereka. Namun dari segi amalan pemakaian patuh syariat masih berada pada tahap rendah. Majoriti responden menyatakan mereka selalu melihat wanita Islam tidak memakai pakaian patuh syariat. Ini menunjukkan penerimaan kempen menutup aurat yang telah dijalankan oleh kerajaan negeri Kelantan masih tidak didokong dengan amalan pemakaian wanita Islam sehari-hari mereka. Penemuan kajian ini diharap dapat memberi maklumat jelas kepada pihak terlibat dalam melipatgandakan usaha untuk memperkasa pelaksanaan kempen pemakaian patuh syariah di Kelantan.

**Kata kunci:** Kod Etika Berpakaian, Kerajaan negeri Kelantan, aurat, tuntutan shariah, teknologi siber.

### **KOD ETIKA PEMAKAIAN ISLAM**

Etika pakaian dalam era transformasi teknologi siber tanpa sempadan ketara dalam bentuk penampilan fizikal individu. Sesungguhnya, etika pemakaian telah membawa kerisauan ekoran transformasi fesyen pakaian Muslimah kepada sosial masyarakat global (Fatmawati & Lubis, 2020). Malaysia, khususnya bagi negara membangun, pemodenan pakaian impak dalam fenomena perkembangan teknologi (Lee, 1985). Pada umumnya, transformasi ketara Kelantan khususnya, menjadi isu yang sangat menonjol berikutan gelaran “Negeri Serambi Mekah”. Isu yang sentiasa berlarutan dan tiada kesudahan berkaitan dengan kekeliruan cara berpakaian golongan wanita, terutama yang beragama Islam. Pakaian yang digayakan oleh Muslimah hari ini terdiri daripada pelbagai corak dan warna. Walaupun dalam Islam, Rasulullah SAW bersifat fleksibel dalam soal berpakaian namun perkara tersebut masih lagi perlu mengikut batas syariat dan nilai kesopanan.

Kajian ini akan meneliti amalan pemakaian semasa dalam kalangan wanita Islam yang berumur antara 18 hingga 20 tahun di beberapa daerah negeri Kelantan. Seterusnya, pendekatan deskriptif analisis meneliti persepsi tentang amalan pemakaian dalam kalangan wanita Islam. Amalan pemakaian adalah untuk menjaga kemaslahatan umum wanita Islam. Soalan kaji selidik yang digunakan dapat mengukur persepsi amalan pemakaian menutup aurat wanita Islam dalam membina ummah yang mempunyai ketrampilan yang memenuhi tuntutan syariah Islam dalam kehidupan sehari-hari dalam konteks berpakaian patuh syariah.

Kajian tentang pelaksanaan menutup aurat di Kelantan oleh Rasyidah (2017) mendapati bahawa pelaksanaan kempen menutup aurat tidak mencetuskan halangan yang besar memandangkan rakyat Kelantan seperti seakan-akan sudah bersedia dengan pelaksanaan peraturan amalan ini. Sedangkan kontroversi timbul pada awalnya kerana berkait rapat dengan kebebasan beragama dan kebebasan individu namun kontroversi ini hanya digembar-gemburkan oleh orang atau individu di luar Kelantan sahaja (Hidayanto, 1996; Nurzihan, 2014). Kesediaan peraturan menutup aurat ini diteguhkan dengan makna dan penerapan pendidikan dari semasa ke semasa sehingga rakyat dapat menyambut baik langkah kerajaan Kelantan.

## Permasalahan Berkaitan Kod Etika Pemakaian Islam di Kelantan

Permasalahan kajian merujuk kepada persepsi amalan pemakaian menutup aurat seseorang. Dalam kehidupan sosial, seseorang individu itu dikehendaki berpakaian seperti yang dikehendaki oleh unit sosialnya (Wekke, Bukido, dan Rumkel, 2018). Isu konflik golongan muda dan tua berlaku apabila golongan muda sering menonjolkan cara dan penampilan diri yang bertentangan dengan norma dan kehendak golongan tua sehingga mereka tidak menyedari bahawa mereka dipergunakan oleh golongan kapitalis dalam mencorak budaya berfesyen (Situmorang, 2016).

Pengaruh persekitaran serta perkembangan teknologi moden yang terlalu pantas memberikan cabaran dalam menerapkan amalan pemakaian patuh syariah kepada wanita Islam (Muhammad Khairul Nizam Jensani, Eswaran, & Noor, 2019). Sekaligus menyukarkan institusi berwajib untuk menguruskan permasalahan tentang kod etika berpakaian patuh syariah (Rasyidah, 2017). Kerajaan tempatan telah menggariskan secara terang dan jelas tentang tafsiran aurat (Suhana dan Marsitah, 2015). Undang-undang Kecil (UUK) Pasar MPKB (Pindaan) 2004 Pindaan UUK 2 – 9 melibatkan penjelasan tentang tafsiran “aurat” iaitu ertinya seluruh tubuh badan wanita kecuali muka dan kedua-dua tangan (Nurudin, Khalid, & Zain, 2018). Tafsiran undang-undang tersebut melibatkan etika yang menutupi seluruh tubuh kecuali muka dan kedua-dua tapak tangan dan pakaian tersebut tidak ketat/ sempit/ sendat/ nipis sehingga menampakkan bentuk tubuh badan. Seterusnya, UUK 27A dikhatusukan kepada pemegang lesen iaitu hendaklah memastikan dirinya dan pekerja wanita Islam berpakaian menutup aurat semasa menjalankan urusan perniagaan dan jika bukan beragama Islam hendaklah berpakaian sopan (Musa, Husin, & Amin, 2018). Peraturan yang sedia ada terhadap norma-norma sosial masyarakat, dan juga norma budaya sebenarnya telah diatur dan persoalan tentang kepentingan tudung sebagai lambang ideologi dan dasar kerajaan yang telah diangkat oleh bahagian Syariat negeri masing-masing (Koo dan Han, 2018).

Kerajaan Kelantan mendapati tahap pematuhan etika berpakaian dalam kalangan wanita di negeri ini masih kurang memuaskan sekalipun telah dilaksanakan hampir 20 tahun (A. Mohd Azhar dan Raihanah, 2010). Pihak berkuasa tempatan di Kelantan telah menguatkuasakan kod pakaian Islam secara berperingkat-peringkat yang bermula dengan golongan yang terlibat dalam perniagaan kerana golongan ini sentiasa berinteraksi dengan orang ramai. ‘Operasi Gempur Aurat’ mengenakan denda RM500 terhadap mereka yang didapati bersalah tidak menutup aurat dan berpakaian ketat.

Kajian oleh Mohd Fadil (2011) menyatakan bahawa sesetengah penduduk Kota Bharu tidak menonjolkan imej sebagai masyarakat Islam. Abdul Aziz Yusof (2012) menegaskan bahawa usaha membangunkan ummah perlu melibatkan pembangunan rohani, jasmani, akal, dan akhlak bertepatan dengan konsep kepatuhan yang diterapkan oleh kerajaan negeri. Dapatkan kajian juga mendapati masih terdapat ramai lagi rakyat yang beragama Islam di Kelantan berpakaian tidak menurut nilai Islam sebenar. Dalam kajian oleh Murtopo (2017) menyatakan ramai wanita yang cenderung untuk berpakaian yang mempamerkan atau tidak menutup aurat wanita, seperti menggunakan tudung mini dan celana ketat. Amalan ini merupakan gejala yang tidak dapat dihindari oleh masyarakat moden sekarang ini. Pihak pemimpin telah mengambil langkah yang wajar dalam soal budaya, iaitu dengan membuat keputusan yang tepat dengan membuat arahan berdasarkan kerangka Amar makruf nahi mungkar, seperti menutup aurat (Mohamed, Ab Mumin, & Siti Arni, 2015; Suhana & Marsitah, 2015).

Dengan memanfaatkan teknologi maju dan media massa yang dikuasai mereka, Barat telah berjaya menerapkan nilai-nilai budaya mereka kepada sebahagian besar masyarakat dunia (Mashitah, 2013) terutama dalam fesyen dan budaya berpakaian. Fungsi pakaian adalah seperti cermin personaliti seseorang individu sekali gus dapat menonjolkan identiti individu tersebut (Lone, 2017).

Dalam kajian ini, diskriptif analisis mengukur sejauh manakah persepsi wanita Islam dalam menerima kempen menutup aurat sesuai dengan tuntutan Islam. Kajian ini penting dalam pelaksanaan kempen menutup aurat sudah dikuatkuasakan oleh kerajaan negeri bertahun-tahun dahulu sejak kerajaan negeri Kelantan di bawah pimpinan kerajaan PAS pada tahun 1990 lagi.

### **Keperluan Kajian Persepsi Kod Etika Pemakaian Islam di Kelantan Berdasarkan Impak Teknologi Siber**

Kajian kod etika pemakaian Islam di Kelantan dilakukan bagi mencapai objektif kajian mengenal pasti persepsi amalan pemakaian wanita Islam. Pengenalpastian amalan menutup aurat wanita Islam akan menampakkan ukuran cabaran dalam menerapkan amalan pemakaian patuh syariah. Perbincangan berikut adalah berkaitan kajian yang pernah dilakukan sebelum ini yang merujuk kepada keperluan kajian ini.

Era teknologi pemodenan menerusi siber terkini mengaitkan model budaya ala Barat menular dalam kalangan wanita Islam, khususnya. Model budaya ini jelas dilihat dalam amalan berpakaian sehari-hari. Persepsi amalan menutup aurat menurut syariat bergantung pada ekspresi perilaku sebagai hasil berfikir tentang cara seseorang itu memilih untuk menutup aurat. Cara berpakaian bergantung kepada faktor dalaman, dorongan motivasi dan pertimbangan syariat Islam Rasyidah (2017); Grine dan Saeed (2017). Dalam kajian Shukeri, Mohamad Azrien, dan Syed Abdurahman (2011) didapati bahawa ramai wanita Islam memilih fesyen bentuk pakaian kotemporari dan ranggi. Perkembangan baharu dalam dunia fesyen kini melibatkan remaja yang dipengaruhi pelbagai trend (Wan Sallha, Nurul Syazwani, Ahmad Fahmi, dan Nor Asliza, 2010). Menurut dapatan kajian tersebut, cara berpakaian pemodenan ala Barat jelas tersasar dari panduan Islam.

Keghairahan mengikut budaya asing yang dianggap moden tanpa berfikir panjang kerana dianggap ketinggalan zaman. Berdasarkan kajian Wan Sallha, Nurul Syazwani, Ahmad Fahmi, dan Nor Asliza (2010), Islam memberikan ketetapan yang begitu jelas dalam Al-Quran sebagai panduan. Namun demikian, fenomena yang wujud menimbulkan kepincangan dalam amalan berpakaian dalam kalangan wanita Islam yang tidak sesuai dengan apa yang digambarkan dalam Al-Quran (Ahwy, 2013). Ramai wanita yang telah memakai pakaian yang seolah-olah telah menutup aurat akan tetapi pada hakikatnya masih menampakkan bentuk tubuh lantaran baju yang dipakai bersaiz kecil atau nipis (Mu'alifin, 2014).

Kajian Mohd Fadil (2011) menyatakan bahawa sesetengah penduduk Kota Bharu tidak menonjolkan imej masyarakat Islam yang bertepatan dengan konsep kepatuhan yang diterapkan oleh kerajaan negeri. Dapatan kajian ini menyatakan bahawa masih terdapat ramai lagi rakyat yang beragama Islam di Kelantan berpakaian tidak menurut nilai-nilai Islam. Pihak pemimpin telah mengambil langkah yang wajar dalam soal budaya, iaitu dengan membuat keputusan yang tepat dengan membuat arahan berdasarkan kerangka Amar makruf nahi mungkar, seperti menutup aurat (Mohamed, Ab Mumin, & Siti Arni, 2015).

Garis panduan berpakaian bagi kaum wanita ialah pakaian menutup aurat, longgar, tidak sempit atau ketat hingga menampakkan susuk tubuh badan (Romlah, 2016). Selain itu, pakaian diperbuat daripada kain yang agak tebal, tidak nipis yang boleh menampakkan bayangan tubuh badan (Naemah, Adawiyah, Mohd Ismail, & Bushrah, 2014)

Kajian yang dilakukan oleh Saadah (2012) mendapati majoriti responden mengetahui konsep menutup aurat secara umum. Namun, berdasarkan pemerhatian yang telah dibuat mendapati pengamalannya berbeza dengan kenyataan yang diberikan. Para responden tidak memelihara aurat mereka sebagaimana yang diketahui mereka, sama ada dari sudut syarat pakaian menutup aurat mahupun batasan aurat ketika bersama-sama orang yang bukan mahram. Sesuai dengan kajian yang dilakukan oleh S. Asmawati et al. (2013) masih berlaku amalan umat Islam yang berpakaian mengikut fesyen terkini dengan mengabaikan kaedah sebenar tuntutan menutup aurat.

Pakaian sebenarnya mencerminkan individu Sulaiman (2007). Sehingga kini, ramai wanita pernah ditegur dalam soal berpakaian. Malangnya apabila generasi baharu semakin dewasa, penekanan utama dalam soal pendidikan akidah dan akhlak (Yuningsih, 2014). Dalam kajian Rita (2017) didapati hampir 80% responden wanita memakai tudung atas kehendak sendiri. Berdasarkan kajian ini juga, wanita yang memakai hijab beranggapan hijab adalah suatu gaya hidup dan sebahagian daripada fesyen (Meilina, 2017). Cabaran dari segi sikap ini perlu sentiasa dikikis oleh golongan tertentu seperti pihak sekolah, pakar motivasi golongan agama dan pihak pemerintah agar situasi tersebut tidak terus merebak sehingga membentuk satu budaya yang negatif dalam masyarakat.

## **PENGKAEDAHAN BAGI MEMPEROLEHI OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan data diperoleh dengan menggunakan borang soal selidik yang diubahsuai daripada instrumen kajian Agung (2013). Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif (Creswell & Miller, 1997). Pengkaji memutuskan perkara yang hendak dikaji, bertanya soalan yang khusus, mengecilkan skop soalan, mengumpul data yang boleh dikuantitatifkan peserta.

Borang soal selidik mengandungi soalan berbentuk 5 Skala Likert berkaitan persepsi aurat dalam kalangan wanita Islam. Kaedah persampelan yang digunakan adalah persampelan bertujuan dan melibatkan 220 orang responden yang terdiri daripada wanita Islam yang berumur antara 18 dan 20 tahun. Data yang diperoleh daripada borang soal selidik dianalisis menggunakan perisian Statistical Package For Social Science (SPSS) versi 20. Data kajian diterangkan melalui pendekatan deskriptif analisis berdasarkan objektif kajian yang telah ditentukan di peringkat awal kajian. Berikut adalah pernyataan hasil kajian.

## **PERSEPSI AMALAN PEMAKAIAN MENUTUP AURAT WANITA ISLAM DI KELANTAN**

Dapatan kajian dalam jadual 1 di bawah menunjukkan jumlah skor yang diberikan oleh responden terhadap persepsi amalan pemakaian menutup aurat wanita Islam di Kelantan.

**JADUAL 1. Persepsi amalan Menutup Aurat Wanita**

Bil	Persoalan Kajian	Sangat tidak bersetuju	Tidak bersetuju	Tidak pasti	Bersetuju	Sangat bersetuju

Bil	Persoalan Kajian	Sangat tidak bersetuju	Tidak bersetuju	Tidak pasti	Bersetuju	Sangat bersetuju
1	Saya selalu melihat individu berpakaian seperti gambar di atas.	4 (2%)	-	5(2%)	95(43%)	116(53%)
2	Saya berasa malu apabila melihat individu berpakaian seperti gambar di atas.	2(1%)	4(2%)	28(13%)	107(49%)	79(36%)
3	Adik beradik perempuan saya suka berpakaian seperti individu di atas.	75(34%)	80(36%)	36(16%)	27(12%)	2(1%)
4	Saya suka kempen seperti gambar di atas dilakukan oleh pihak-pihak tertentu	17(8%)	11(5%)	12(6%)	71(32%)	109(50%)
5	Saya berpendapat wanita berpakaian seperti gambar di atas tidak faham tentang tuntutan agama.	6(3%)	7(3%)	54(25%)	80(36%)	73(33%)
6	Saya berpendapat pakaian seperti gambar di atas tidak patuh undang-undang syariah agama Islam.	10(5%)	2(1%)	17(8%)	62(28%)	129(59%)
7	Saya sedar lambakan fesyen muslimah yang ada sekarang mengelirukan kerana menampakkan susuk badan.	6(3%)	6(3%)	16(7%)	87(40%)	105(48%)
8	Saya bertudung kerana tren bukan kerana tuntutan agama.	151(69%)	35(16%)	6(3%)	10(5%)	18(8%)
9	Masyarakat Islam dilengkokkan dengan pelbagai gaya fesyen 'Islam' yang telah dicemari oleh unsur fesyen Barat.	9(4%)	8(4%)	20(9%)	102(46%)	81(37%)
10	Saya tahu maksud berpakaian tetapi telanjang.	8(4%)	2(1%)	14(6%)	82(37%)	114(52%)
11	Saya tahu baju kurung akan dipakai untuk urusan rasmi.	8(4%)	25 (11%)	34(16%)	80(36%)	73(33%)
12	Tidak wajar wanita yang sudah berkahwin berpakaian ketat.	10(5%)	4(2%)	14(6.4%)	59(27%)	133(61%)
13	Saya tidak selesa apabila ada wanita yang menghina kod peraturan berpakaian di Kelantan.	3(1%)	7(3%)	9(4%)	60(27)	141(64%)

Merujuk kepada jadual 1 di atas, berikut adalah perbincangan lebih terperinci. Hasil kajian 13 item tentang persepsi amalan pemakaian menutup aurat wanita Islam di Kelantan bagi item "Saya selalu melihat individu berpakaian seperti gambar di atas" yang selalu melihat etika pakaian tidak patuh syariah mempunyai peratusan sangat bersetuju sebanyak 53% (116 orang) dan paling rendah sangat bersetuju sebanyak 2% (4 orang). Ini menunjukkan masih ramai wanita memakai pakaian yang tidak patuh syariah. Sesungguhnya kecenderungan pemilihan trend pakaian yang tidak senonoh ini menunjukkan kelemahan moral dan budaya masyarakat yang terikut dengan perubahan zaman teknologi tanpa sempadan.

Seterusnya, “Saya berasa malu apabila melihat individu berpakaian seperti gambar di atas” majoriti responden bersetuju sebanyak 48% (107 orang) dan paling rendah sangat tidak bersetuju 1% (2 orang). Perasaan malu masih lagi wujud dalam diri wanita sekiranya melihat pemakaian wanita lain yang tidak patuh syariat. Item ini menjawab persoalan bahawa walaupun masih ramai lagi wanita yang tidak memakai pakaian patuh syariah, namun perasaan malu masih lagi wujud dalam diri mereka. Malu sebahagian daripada iman dalam tuntutan agama.

Manakala, bagi item “Adik beradik perempuan saya suka berpakaian seperti individu di atas” mempunyai skor tidak bersetuju 36% (80 orang) manakala sangat tidak bersetuju seramai 1% (2 orang). Berdasarkan pernyataaan tersebut pematuhan pemakaian patuh syariah dalam kalangan adik beradik perempuan respondan masih berada pada tahap yang tinggi.

Analisis persepsi tentang kempen menutup aurat yang dijalankan oleh kerajaan negeri Kelantan yang berkaitan dengan “suka kempen seperti gambar di atas” dilakukan oleh pihak-pihak tertentu mendapat majoriti sangat bersetuju sebanyak 50% (109 orang) manakala tidak pasti skor paling rendah iaitu sebanyak 5.5% (12 orang). Ini menunjukkan wanita Islam Kelantan sentiasa menyambut baik kempen menutup aurat yang dijalankan oleh kerajaan negeri.

Analisis persepsi tentang fahaman agama pula berpendapat pakaian seperti gambar di atas tidak patuh undang-undang syariah agama Islam menunjukkan skor paling tinggi iaitu bersetuju sebanyak 36% (80 orang) manakala skor paling rendah sangat tidak bersetuju sebanyak 3% (6 orang). Dapatkan ini menunjukkan kesedaran dan tahap kefahaman wanita Islam terhadap ciri-ciri pakaian menutup aurat berada pada tahap tinggi.

Bagi item “Saya sedar lambakan fesyen muslimah yang ada sekarang mengelirukan kerana menampakkan susuk badan” dengan skor majoriti sangat bersetuju seramai 48% (105 orang) skor paling rendah tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju masing-masing 3% (6 orang). Lambakan fesyen yang ada di pasaran mengelirukan wanita Islam untuk membuat pilihan dalam trend berpakaian mereka.

Analisis untuk tujuan responden bertudung kerana trend bukan kerana tuntutan agama mendapat majoriti menyatakan sangat tidak bersetuju sebanyak 69% (151 orang) bahawa mereka memakai tudung disebabkan trend. Skor paling rendah tidak pasti sebanyak 3% (6 orang). Dapatkan ini menunjukkan responden sedar bahawa tujuan mereka bertudung adalah bukan trend semata-mata tetapi adalah untuk menutup aurat.

Analisis persepsi tentang fenomena fesyen pula itemnya “Masyarakat Islam dilonggokkan dengan pelbagai gaya fesyen ‘Islam’ yang telah dicemari oleh unsur fesyen Barat” majoriti bersetuju sebanyak 46% (102 orang) dan skor paling rendah tidak bersetuju sebanyak 4% (8 orang). Wanita Islam sedar akan kewujudan pelbagai fesyen pakaian wanita di pasaran yang mengelirukan mereka tambahan pula dengan adanya ledakan teknologi sosial.

Analisis item “Saya tahu maksud berpakaian tetapi telanjang” majoriti skor sangat bersetuju sebanyak 59% (114 orang) manakala tidak bersetuju sebanyak 0.9% (2 orang). Wanita mengetahui maksud berpakaian menutup aurat dalam Islam dan menutup aurat merupakan fitrah manusia sejak zaman nabi Adam.

Item “Saya tahu baju kurung akan dipakai untuk urusan rasmi” majoriti skor sangat bersetuju 52% (114 orang) manakala skor paling rendah tidak bersetuju sebanyak 1% (2 orang). Baju kurung atau baju tradisi sesuai dipakai oleh semua golongan masyarakat tidak mengira usia dan sering dipakai semasa urusan rasmi seperti di sekolah dan tempat kerja.

Item seterusnya, berkaitan tidak wajar wanita yang sudah berkahwin berpakaian ketat mendapat majoriti sangat bersetuju sebanyak 61% (133 orang), skor paling rendah tidak bersetuju sebanyak 2% (4 orang). Kesedaran keperluan menutup aurat selepas kahwin sangat perlu bagi setiap wanita Islam kerana niat menutup aurat disebabkan suruhan dan perintah yang terkandung dalam Al-Quran.

Akhir sekali, “Saya tidak selesa apabila ada wanita yang menghina kod peraturan berpakaian di Kelantan.” majoriti sangat bersetuju sebanyak 64% (141 orang) dan sangat tidak bersetuju sebanyak 1% (3 orang). Pernyataan ini menunjukkan bahawa rakyat Kelantan sentiasa menyambut baik setiap kempen yang dijalankan oleh kerajaan negeri Kelantan.

## RUMUSAN KEPADA PERBINCANGAN DAPATAN

Sebagai kesimpulan, kajian menunjukkan bahawa tahap amalan berpakaian wanita Islam Kelantan tidak selari dengan aspirasi kerajaan negeri Kelantan. Ramai dalam kalangan wanita pada masa kini memiliki persepsi yang dipengaruhi oleh impak teknologi siber yang kian meluas penggunaannya dalam kalangan masyarakat. Walaupun begitu, kerajaan negeri sentiasa menerapkan amalan berpakaian dalam kalangan wanita Islam dalam semua aspek pekerjaan termasuklah dalam bidang perniagaan. Persepsi pakaian mencerminkan masyarakat Islam terhadap kepimpinan pemerintahan kerajaan negeri Kelantan. Sebagai contoh, untuk memohon lesen perniagaan, terutama dalam bulan Ramadan atau sepanjang hidup, golongan wanita perlu mematuhi etika berpakaian yang ditetapkan oleh kerajaan negeri. Namun begitu, faktor niat dilihat memberikan sumbangan kepada persepsi dan perubahan trend pemakaian wanita Islam pada hari ini. Justeru, menimbulkan persepsi yang pelbagai lantas mendorong pihak berwajib berusaha keras dalam melakukan usaha untuk memantapkan akidah umat Islam di bumi Kelantan. Susulan dalam kajian lepas menunjukkan tahap kekuatan niat menjadi pendorong terbaik untuk seseorang bertingkah laku menurut apa-apa yang dikehendakinya, sama ada bertingkah laku menurut acuan agama atau sebaliknya kerana setiap amalan bermula dengan niat.

## RUJUKAN

- Agung, L. (2013). *Pemahaman Makna Pakaian oleh Organisasi Islam*. Universitas Muhammadiyah Surakarta.
- Ahwyl, O. (2013). *Estetika Berjilbab pada Wanita Muslimah (Kajian Sosial dan Pendidikan Islam)*. Tarbiya Tuna. Retrieved from <http://jurnal.ummg.ac.id/journal/index.php/fai/article/view/54>
- Asmawati, S., Mohd Faizal, M. Z., Abdul Muhsin, A., & Mohd Aderi, C. N. (2013). Tahap Pengetahuan Pelajar Tentang Konsep Menutup Aurat: Suatu Tinjauan Umum. *The Online Journal of Islamic Education*, 1(1), 40–47.
- Fatmawati, & Lubis. (2020). Pengaruh perilaku kewirausahaan terhadap kemampuan manajerial pada pedagang pakaian pasar pusat pasar kota Medan. *Jurnal Muhammadiyah Manajemen Bisnis*, 1(1), 57–66.
- Grine, F., & Saeed, M. (2017). Is Hijab a fashion statement? A study of Malaysian Muslim women. *Journal of Islamic Marketing*, 8(3), 430–443. <https://doi.org/10.1108/JIMA-04-2015-0029>
- Hidayanto, M. F. (1996). Aurat Wanita dalam Aturan Hukum. *Al-Mawarid*, 5(November),

- 75–85.
- Lee, N. bte. (1985). Transformasi Fesyen Pakaian Muslim Di Semenanjung Tanah Melayu, 1930,1940. *Perspektif*, 3, 71 dan 75.
- Lone, R. A. (2017). Gender and Clothing in Islam- Liberation or Oppression. *International Journal for Social Studies*, 3(13), 41–48.
- Meilina. (2017). *Faktor-faktor yang Mempengaruhi Perilaku Konsumen Terhadap Keputusan Pembelian Busana Muslimah Sesuai Syariat Islam Pada Mahasiswa UIN Raden Fatah Palembang*. UIN Raden Fatah Palembang.
- Mohamed, H. A.-B., Ab Mumin, A. G., & Siti Arni, B. (2015). Nilai-nilai Sistem Pengurusan Kualiti Islam Berasaskan Al-Quran dan Integrasi Ilmu Saintifik. *Jurnal Syariah*, 23(1).
- Mohd Fadil, M. Y. (2011). Persepsi Komuniti Setempat Terhadap Penjenamaan Kota. In *Persidangan Kebangsaan Masyarakat Ruang dan Alam Sekitar* (pp. 1–8).
- Mu'alifin. (2014). *Analisis Konsep Menutup Aurat Dalam Al-Qur'an Surat Al-NŪr Ayat 30-31 dan Implementasinya dalam Pendidikan Islam A*.
- Muhammad Khairul Nizam Jensani, Eswaran, K., & Noor, S. S. M. (2019). Media Sosial dan Pembentukan Budaya Menurut Islam. *Prosing Seminar Sains Teknologi Dan Manusia 2019 (SSTM'19)*, 2(1996), 177–194.
- Murtopo, B. A. (2017). Etika Berpakaian dalam Islam: Tinjauan Busana Wanita Sesuai Ketentuan Islam. *Jurnal Pemikiran Keislamanan Dan Kemanusiaan*, 1(2), 243–251.
- Musa, N., Husin, A., & Amin, N. A. S. M. (2018). Semakan Dasar Wanita Kelantan: penambahbaikan pelaksanaan ke arah mencapai matlamat pembangunan mampan. *Akademika*, 88(3), 137–150.
- Naemah, H., Adawiyah, I., Mohd Ismail, M., & Bushrah, B. (2014). The Realisation of Covering 'Aurat among the Successful Women in Malaysia. *Al-Hikmah*, 6(2).
- Nurudin, S. M., Khalid, N. S., & Zain, Z. M. (2018). Peranan Undang-Undang Kecil dalam Membentuk Keperibadian Masyarakat, 3(3), 117–121.
- Nurzihan, H. (2014). Hijab and the Malay-Muslim Woman in Media. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 155(October), 428–433. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.10.317>
- Rasyidah. (2017). Dakwah Struktural Pakaian Muslimah di Kelantan-Malaysia. *Jurnal Studi Gender Dan Islam Serta Perlindungan Anak*, 6(1), 1–15.
- Rita, A. A. (2017). Assertion of Wearing Hijab in the Community : an Analysis. *American Scientific Research Journal for Engineering, Technology, and Sciences (ASRJETS)*, 29(1), 340–347.
- Romlah, R. (2016). *Sejauhmana Kebebasan dalam Media Sosial : Peradaban Sosial dan Privasi dalam Sempadan Keagamaan*.
- Saadah, I. (2012). *Tahap Kefahaman dan Amalan Terhadap Kefarduan Menutup aurat di Kalangan Pelajar di Tiga Buah Sekolah Menengah Agama di Daerah Pekan*.
- Shukeri, M., Mohamad Azrien, M. A., & Syed Abdurahman, S. H. (2011). Keberkesanan Program Keislaman yang dijalankan oleh Majlis Perbandaran Kota Bharu ( MPKB ) dari Tahun 1990 Hingga Tahun 2000 : Kajian di Kalangan Kakitangan MPKB. *Al-Basirah*, 1(1), 27–52.
- Situmorang, D. B. M. (2016). Tidak Bolehkah Aku Berkusa atas Tubuhku Sendiri?Can't I Rule My Own Body? *Penelitian Agama*, 2(2), 113–119.
- Suhana, S., & Marsitah, M. R. (2015). Urus tadbir sebuah bandaraya Islam Malaysia : Kajian kes di The governance of a Malaysian Islamic city : A case study of Kota Bharu , Kelantan. *Malaysian Journal of Society and Space*, 3(3), 8–25.

- Wan Sallha, Y., Nurul Syazwani, Z., Ahmad Fahmi, M., & Nor Asliza, A. (2010). Faktor-faktor yang Mempengaruhi Penentuan Identiti Diri Remaja Melayu (pp. 29–31).
- Wekke, I. S., Bukido, R., & Rumkel, N. (2018). *Adat dan Adat, Keteguhan Adat dalam Kepatuhan Beragama* (1st ed.). Yogyakarta: Deepublish Publisher.
- Yuningsih. (2014). Menguatkan Kembali Pendidikan Keagamaan dan Moral Anak Didik, *VIII*(2), 199–216.